

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR

(BAHAGIAN RAYUAN)

RAYUAN JENAYAH NO: 42 - 188 - 2010

ANTARA

PENDAKWA RAYA

.... PERAYU

DAN

ROSLI BIN DAHLAN

.... RESPONDEN

AFIDAVIT RESPONDEN

Saya, **ROSLI BIN DAHLAN (No K/P: 610819-71-5855)** seorang warganegara Malaysia yang cukup umur dan yang mempunyai alamat kediaman di No. 33 Jalan PJU 3/15, Damansara Indah Resort Homes, 47410 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, dengan seikhlasnya dan sesungguhnya berikrar dan menyatakan seperti berikut:-

1. Saya adalah Responden yang dinamakan di atas. Saya adalah seorang peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya dan kini beramal sebagai rakan kongsi di firma guaman Tetuan Lee Hishammuddin Allen & Gledhill.

2. Kecuali dimana dinyatakan sebaliknya, fakta-fakta yang dideposkan di sini adalah daripada pengetahuan peribadi saya sendiri atau daripada dokumen-dokumen dan rekod-rekod dalam milikan saya. Afidavit saya juga menghuraikan maklumat yang saya sesungguhnya percaya adalah benar dan sumber serta alasan-alasan berkenaan dengannya.
3. Saya memohon kebenaran untuk merujuk kepada Afidavit oleh Dato' Pahlawan Ramli Bin Yusuff ("**Ramli Yusuff**") yang diikrarkan dan difailkan disini. Saya mempercayai pernyataan-pernyataan yang terkandung didalamnya dan menggunakan yang sama.

Pertuduhan Tersebut

4. Pendakwa Raya telah menyampaikan dua (2) notis kepada saya bertarikh 17.7.2007 dan 16.8.2007 ("**Notis-Notis Rosli Dahlan tersebut**") menurut Seksyen 32(1)(b) Akta Pencegahan Rasuah 1997 ("**Akta tersebut**"). Notis-Notis Rosli Dahlan tersebut telah diisukan oleh Pendakwa Raya berdasarkan allegasi bahawa saya adalah kenalan kepada seorang Ramli Yusuff (seperti yang ditakrifkan dibawah Akta tersebut).
5. Saya menafikan bahawa saya adalah seorang kenalan kepada Ramli Yusuff pada bila-bila masa. Apabila saya menanyakan tentang Notis-Notis Rosli Dahlan tersebut, saya telah didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur melalui Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur Kes Tangkapan No. 62-449-2007 atas kegagalan menjawab kepada notis-notis tersebut sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 32(5) Akta tersebut.

6. Saya di maklumkan oleh Ramli Yusuff dan saya sesungguhnya percaya bahawa penyiasatan terhadapnya oleh Badan Pencegah Rasuah, yang kini dikenali sebagai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ("**SPRM**"), adalah dicemari dan tidak sah di sisi undang-undang. Pertuduhan yang dibawa terhadap Ramli Yusuff telah di tolak dan Ramli Yusuff telah dibebaskan, inter alia, atas alasan bahawa Pendakwa Raya telah bertindak tanpa alasan yang munasabah dalam mengeluarkan dua (2) notis terhadap Ramli Yusuff.

7. Oleh yang demikian, saya dengan hormatnya menyatakan bahawa Notis-Notis Rosli Dahlan tersebut adalah berdasarkan dan berlandaskan atas Pendakwa Raya mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan telah dilakukan oleh Ramli Yusuff. Memandangkan Mahkamah Tinggi telah mendapati bahawa Pendakwa Raya tidak mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan telah dilakukan oleh Ramli Yusuff, Notis-Notis Rosli Dahlan tersebut adalah dicemari, tidak sah di sisi undang-undang, batal dan tidak berkuatkuasa.

Kejadian Selanjutnya dan Baru-Baru Ini


8. Pada suatu masa dalam bulan January dan February 2012, saya telah menerima panggilan telefon daripada Dato' Abdul Razak Musa, Pengarah Pendakwaan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Semasa perbualan-perbualan telefon ini, Dato' Abdul Razak Musa mengakui bahawa rayuan Perayu disini adalah lemah dan tidak bermerit. Sebagai jawapan kepada persoalan saya mengapa Perayu

tidak menarik balik rayuan ini, Dato' Abdul Razak Musa memberitahu saya bahawa Peguam Negara hanya akan menarik balik rayuan ini atas syarat saya menarik balik Guaman KLHC ("**Tawaran Penarikbalikan tersebut**"). Dalam suatu mesyuarat dengan Dato Abdul Razak Musa pada 2^{hb} Mac 2012, beliau berkata bahawa saya tidak sepatutnya didakwa dan sebenarnya tidak akan didakwa sekiranya beliau adalah Pengarah Pendakwaan pada masa tersebut. Dato Razak juga menyalahkan Dato Nordin Hassan dan Kevin Anthony Morais atas kejadian-kejadian yang berlaku kepada saya. Dato Razak telah mengulangi Tawaran Penarikbalikan tersebut secara lebih nyata dengan menyatakan bahawa beliau yakin sebanyak 90% bahawa saya sepatutnya dibebaskan.

9. Saya sesungguhnya percaya bahawa dalam semua keadaan, rayuan ini adalah digunakan oleh Perayu dan Peguam Negara untuk tujuan terselindung. Ia adalah jelas bahawa tujuan Dato Abdul Razak Musa dalam Tawaran Penarikbalikan tersebut adalah untuk menggunakan rayuan disini sebagai suatu alat untuk tawar-menawar (*'bargaining chip'*) untuk memaksa saya untuk menarik balik Guaman KLHC dan menyerahkan hak-hak saya untuk mendapatkan tebusan (*'redress'*) terhadap mereka yang telah bertindak secara salah terhadap saya.
10. Oleh itu, ia adalah jelas bahawa penerusan rayuan disini, memandangkan semua perkara yang telah saya huraikan diatas, adalah suatu lanjutan penyalahgunaan budibicara pendakwaan (*'prosecutorial discretion'*), pendakwaan berniat jahat (*'malicious prosecution'*) dan salahlaku pendakwaan (*'prosecutorial misconduct'*).

Saya memfailkan Afidavit ini untuk merakamkan peristiwa-peristiwa yang dirujuk dan yang berkaitan bagi tujuan Rayuan ini.

Berkenaan suatu Afidavit oleh deponen)
bernama **ROSLI BIN DAHLAN** yang)
diikrarkan pada hb. **1 AUG 2012**)
Puchong, Selangor D.E. , 2012)
di pada **1.30** pagi/ptg)
[Melalui interpretasi oleh.....])
[Interpretasi tidak diperlukan])



Di hadapan saya,



Pesuruhjaya Sumpah



61, Jalan 23, Taman Bukit Kuchai,
47100 Puchong,
Selangor D.E.

AFIDAVIT RESPONDEN ini telah difailkan oleh Tetuan Kumar Partnership, peguamcara bagi Perayu yang dinamakan diatas yang mempunyai alamat penyampaian di Suites, 12.01-1203, Tingkat 12, Wisma E & E, No. 2 Lorong Dungun Kiri, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2093 3131/ Faks: 03-2092 3131 (Ruj: 01.2.3422.09.RD)

TRANSLATION

PENTERJEMAHAN

**MESSRS KUMAR PARTNERSHIP
ADVOCATES & SOLICITORS**

IN THE HIGH COURT OF MALAYSIA AT KUALA LUMPUR
(APPELLATE DIVISION)

CRIMINAL APPEAL NO: 42 – 188 – 2010

BETWEEN

PUBLIC PROSECUTOR

...APPELLANT

AND

ROSLI BIN DAHLAN

...RESPONDENT

RESPONDENT'S AFFIDAVIT

I, **ROSLI BIN DAHLAN (NRIC No: 610819-71-5855)** a Malaysian citizen of full age and residing at No. 33 Jalan PJU 3/15, Damansara Indah Resort Homes, 47410 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, do hereby sincerely and truly affirm and say as follows:-

1. I am the Respondent above-named. I am an advocate and solicitor of the High Court of Malaya and currently practicing as a partner in the law firm of Messrs Lee Hishammuddin Allen & Gledhill.
2. Save where stated to the contrary, the facts deposed to herein are within my personal knowledge or derived from documents and records in my possession. My affidavit also sets out information which I verily believe to be true and the sources and grounds thereof.
3. I crave leave to refer to the Affidavit of Dato' Pahlawan Ramli Bin Yusuff ("**Ramli Yusuff**") affirmed and filed herein. I believe the averments therein contained to be true and adopt the same.

The Charge

4. The Public Prosecutor served two (2) notices on me dated 17.7.2007 and 16.8.2007 ("**Rosli Dahlan Notices**") pursuant to Section 32(1)(b) of the Anti-Corruption Act, 1997 ("**the Act**"). The Rosli Dahlan Notices were issued by the Public Prosecutor premised on the allegation that I was an associate of one Ramli Yusuff (as defined under the Act).
5. I deny that I was an associate of Ramli Yusuff at any time. When I queried the import of the Rosli Dahlan Notices, I was charged before the Kuala Lumpur Sessions Court vide Kuala Lumpur Sessions Court Arrest Case No. 62-449-2007 for failing to respond to the said notices as provided for under Section 32(5) of the Act.
6. I am informed by Ramli Yusuff and I verily believe that the investigation against him by the Anti-Corruption Agency, now known as the Malaysian Anti-Corruption Commission ("**MACC**"), was tainted and unlawful. The charges brought against Ramli Yusuff were dismissed and Ramli Yusuff was acquitted, inter alia, on the grounds that the Public Prosecutor had acted without reasonable grounds in issuing two (2) notices against the said Ramli Yusuff.
7. I therefore respectfully say that the Rosli Dahlan Notices which were premised and predicated upon the Public Prosecutor having reasonable grounds to believe that an offence had been committed by Ramli Yusuff. Since the High Court has found that the Public Prosecutor had no grounds to believe that an offence had been committed by Ramli Yusuff, the Rosli Dahlan Notices are likewise tainted, unlawfull, void and of no effect

Further and Recent Events


8. Sometime in January and February 2012, I received telephone calls from Dato Abdul Razak Musa, the Director of Prosecution of the Malaysian Anti-Corruption Commission. During these tele-conversations Dato Abdul Razak Musa admitted that the Appellant's appeal herein was weak and without merit. In answer to my query on why the Appellant was not inclined to withdraw the present appeal, Dato Abdul Razak Musa told me that the Attorney General was only willing to withdraw the appeal on condition that I withdrew the KLHC Suit ("the Withdrawal Offer"). In a meeting with Dato Abdul Razak Musa on 2nd March 2012, he said that I should not have been charged and would not have been charged had he been the Director of Prosecution at that time. Dato Razak also blamed Dato Nordin Hassan and Kevin Anthony Morais for the events that befell me. Dato Razak repeated the Withdrawal Offer more explicitly by stating that he is 90% convinced I should be let off.

9. I verily believe that in the circumstances, the present appeal is also being used by the Appellant and the Attorney General for an ulterior motive. Clearly Dato Abdul Razak Musa's entire aim in the aforesaid Withdrawal Offer was to use the present appeal as a 'bargaining chip' to coerce me into withdrawing the KLHC Suit and giving up my lawful rights to seek redress against those who have wronged me.


10. Clearly therefore the continuance of the present appeal in light of the matters I have outlined above amounts to a further abuse of prosecutorial discretion, malicious prosecution and prosecutorial misconduct.

I file this Affidavit to record the events referred to and are relevant for purposes of this Appeal.


To an affidavit by one deponent named)
ROSLI BIN DAHLAN affirmed on)
this day of **1 AUG 2012**, 2012)
Puchong, Selangor D.E. at **1.30 am**/pm)
[Through interpretation by.....])
[Interpretation not required])



Before me,



Commissioner for Oath



61, Jalan 23, Taman Bukit Kuchai,
47100 Puchong,
Selangor D.E.

This **RESPONDENT'S AFFIDAVIT** is filed by Messrs Kumar Partnership, solicitors for the Appellant whose address for service is at Suites 12.01-12.03, 12th Floor, Wisma E & C, No. 2 Lorong Dungun Kiri, Damansara Heights, 50450 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2093 3131

Fax: 03-2092 3131

(Ref: 01.2.3422.09.RD)